



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 389

**AKTA KUMPULAN WANG  
YAYASAN TUNKU  
ABDUL RAHMAN 1966**

(Disemak—1989)

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur, bagi *Tunku Abdul Rahman Foundation Fund Act 1966* sebagaimana disemak dalam tahun 1989. Melainkan dan sehingga ditetapkan sebagai sah di bawah seksyen 7 (1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32), ia bukannya perundangan.

Disemak sehingga ... .. 30hb September 1989

Tarikh versi semakan ini  
disiarkan dalam *Warta* ... 12hb Oktober 1989

Tarikh yang ditetapkan untuk  
mula berkuatkuasanya versi  
semakan ini *menurut seksyen*  
*6 (1) (xxiii) Akta Penyemakan*  
*Undang-Undang 1968*  
*(Akta 1)* ... .. 19hb Oktober 1989

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 389****AKTA KUMPULAN WANG YAYASAN  
TUNKU ABDUL RAHMAN 1966****(Disemak—1989)**

---

**SUSUNAN SEKSYEN**

---

**BAHAGIAN I****PERMULAAN****Seksyen**

1. Tajuk ringkas dan pemakaian.
2. Tafsiran.

**BAHAGIAN II****KUMPULAN WANG**

3. Penubuhan dan pengurusan Kumpulan Wang.

**BAHAGIAN III****LEMBAGA**

4. Kuasa Lembaga untuk menerima pemberian, derma, dsb.
5. Anggota-anggota Lembaga.
6. Hilang kelayakan anggota.
7. Pemecatan daripada jawatan.

**BAHAGIAN IV****TUJUAN-TUJUAN KUMPULAN WANG**

8. Kos mengurus Kumpulan Wang dan tujuan Kumpulan Wang.
9. Terma-terma kurniaan pengajian.
10. Kuatkuasa Akta ini.

Seksyen

11. Terhentinya kurniaan dalam hal-hal tertentu.
12. Syarat-syarat kurniaan.

BAHAGIAN V

AM

13. Kuasa pelaburan Lembaga.
14. Audit dan akaun.
15. Meterai Lembaga.
16. Perlantikan pegawai dan pengkhidmat.
17. Perwakilan oleh Lembaga.
18. Liabiliti terhadap kerugian dalam pelaburan.
19. Kaedah-kaedah.
20. Likuidasi.
21. Memindahmilikkan wang yang ada dalam tangan penganjur ke dalam Kumpulan Wang.

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 389

#### AKTA KUMPULAN WANG YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN 1966

(Disemak—1989)

Suatu Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman dan bagi membuat peruntukan mengenai pengurusan Kumpulan Wang itu dan perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya.

[28hb Julai 1966.]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

#### BAHAGIAN I

##### PERMULAAN

1. Akta ini boleh dinamakan Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966, dan hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.

Tajuk ringkas dan pemakaian.

2. Dalam Akta ini—

Tafsiran.

“Menteri” ertinya Menteri Pendidikan.

BAHAGIAN II

KUMPULAN WANG

Penubuhan  
dan pe-  
ngurusan  
Kumpulan  
Wang.

3. (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu Kumpulan Wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (kemudian daripada ini disebut sebagai "Kumpulan Wang").

(2) Kumpulan Wang hendaklah terletak pada dan diuruskan oleh suatu Lembaga Pemegang Amanah (kemudian daripada ini disebut sebagai "Lembaga") yang hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai biasa dengan kuasa untuk mendakwa dan didakwa, memegang harta alih atau harta tak alih, membuat kontrak dan, tertakluk kepada yang diperuntukkan kemudian daripada ini, memindahhak, menyerahhak, menyerah balik, menggadai-janji, memajak atau selainnya melupuskan harta alih atau harta tak alih yang terletak pada Lembaga mengikut apa-apa terma yang difikirkannya patut.

BAHAGIAN III

LEMBAGA

Kuasa  
Lembaga  
untuk  
menerima  
pemberian,  
derma, dsb.

4. Lembaga hendaklah mempunyai kuasa, menurut budi bicaranya, untuk menerima apa-apa pemberian, derma, endowmen, hadiah atau bekues yang dibuat untuk atau bagi faedah Kumpulan Wang.

Anggota-  
anggota  
Lembaga.

5. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut, iaitu—

- (a) Pengerusi, yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong;
- (b) seorang wakil Kementerian Pendidikan;
- (c) seorang wakil Perbendaharaan; dan
- (d) enam orang anggota lain yang dilantik oleh Menteri.

(2) Pengerusi dan anggota-anggota Lembaga yang disebut dalam subseksyen (1) (d) hendaklah dilantik bagi tempoh tiga tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.

(3) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga.

(4) Lembaga hendaklah bermesyuarat di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa yang ditetapkan oleh Pengerusi dan di sesuatu mesyuarat Lembaga, lima orang anggota hendaklah membentuk kuorum.

(5) Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

(6) Tertakluk kepada Akta ini, Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk menetapkan prosedurnya sendiri.

6. Seseorang anggota Lembaga hendaklah hilang kelayakan daripada memegang jawatan sebagai anggota Lembaga jika dia—

Hilang kelayakan anggota.

(a) menjadi si bankrap;

(b) dijatuhkan hukuman penjara selama sesuatu tempoh; atau

(c) melakukan apa-apa pecah amanah atau mengabaikan kewajipannya sebagai anggota Lembaga yang, pada pendapat pihak berkuasa yang melantik, mewajarkan dia dipecat.

7. (1) Menteri boleh, pada bila-bila masa memecat mana-mana anggota Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 5 (1) (d) dan melantik seorang lain menggantikan tempatnya.

Pemecatan daripada jawatan.

(2) Tanpa menjejaskan kuasa pemecatan di bawah subseksyen (1), Menteri boleh memecat daripada jawatan mana-mana anggota Lembaga yang, pada pendapat Menteri, tidak berupaya melaksanakan dengan sempurna kewajipan-kewajipannya sebagai seorang anggota Lembaga oleh sebab dia uzur atau telah lama tidak ada di Malaysia.

BAHAGIAN IV

TUJUAN-TUJUAN KUMPULAN WANG

Kos mengurus Kumpulan Wang dan tujuan Kumpulan Wang.

8. (1) Semua perbelanjaan yang bersampingan dengan pengurusan Kumpulan wang hendaklah dibayar daripada wang Kumpulan Wang sebelum apa-apa bayaran lain.

(2) Baki Kumpulan Wang selepas membayar perbelanjaan-perbelanjaan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah, tertakluk kepada Akta ini, digunakan bagi maksud memberikan atau mengurniakan apa-apa hadiah siswa, biasiswa, pemberian pengajian atau pinjaman pengajian atau apa-apa kurniaan lain yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa supaya diberikan atau dikurniakan kepada orang-orang yang disebut kemudian daripada ini bagi membolehkan orang-orang itu mengikuti apa-apa kursus pendidikan yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(3) Subseksyen (2) hendaklah terpakai bagi mana-mana warganegara Malaysia yang, disebabkan oleh hal keadaannya atau apa-apa sebab lain, pada pendapat Lembaga perlu diberi atau dibantu dengan hadiah siswa, biasiswa, pemberian pengajian atau pinjaman pengajian atau apa-apa kurniaan lain di bawah Akta ini.

Terma-terma kurniaan pengajian.

9. (1) Tiap-tiap penerima hadiah siswa, biasiswa, pemberian pengajian, pinjaman pengajian atau apa-apa kurniaan lain yang diberikan atau dikurniakan di bawah Akta ini hendaklah menjadi dan, sepanjang tempoh dia menerima hadiah siswa, biasiswa, pemberian pengajian, pinjaman pengajian atau apa-apa kurniaan lain itu, terus menjadi, pelajar di tempat pendidikan yang diluluskan oleh Lembaga dan hendaklah mengikuti pengajiannya di situ dengan memuaskan hati Lembaga.

(2) Jika mana-mana penerima kurniaan yang dibuat di bawah Akta ini tidak memenuhi seksyen 8 atau melanggar apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Lembaga atau dengan apa-apa jua cara berlaku salah, maka oleh sebab itu kurniaan itu boleh dilucutkan daripadanya.

10. (1) Akta ini hendaklah menjadi tambahan kepada dan tidaklah mengurangkan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan hadiah siswa, biasiswa, pemberian pengajian, pinjaman pengajian atau apa-apa kurniaan lain yang berkuatkuasa di mana-mana bahagian Malaysia.

Kuatkuasa  
Akta ini.

(2) Jika pada bila-bila masa Lembaga berpendapat bahawa apa-apa hal keadaan menjadikan sesuatu kurniaan di bawah Akta ini tidak patut diberikan atau jika dalam mana-mana tahun tiada seorang pun calon berhak, pada pendapat Lembaga, menerima apa-apa kurniaan di bawah Akta ini, maka tiada kurniaan boleh dibuat pada tahun itu dan wang yang jika tidak kerana itu akan diuntukkan bagi kurniaan itu boleh diperlakukan sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini dalam Akta ini.

11. Lembaga boleh berhenti mengadakan peruntukan bagi, menyara atau membantu mana-mana penerima kurniaan di bawah Akta ini yang melanggar atau tidak mematuhi terma-terma atau syarat-syarat yang dikenakan oleh Lembaga mengikut Akta ini atau jika Lembaga berpendapat bahawa pengajian penerima itu tidak berfaedah atau patut diteruskan oleh sebab kemajuan pengajiannya tidak memuaskan, dia berlaku salah atau dia uzur:

Terhentinya  
kurniaan  
dalam hal-hal  
tertentu.

Dengan syarat bahawa dalam sesuatu hal pemberhentian kurniaan sedemikian, Lembaga hendaklah membayar semua perbelanjaan yang perlu untuk membawa pulang penerima dan orang tanggungannya, jika ada, ke Malaysia jika mereka telah meninggalkan Malaysia atas arahan atau dengan kelulusan Lembaga.

Syarat-syarat kurniaan.

12. Sebelum membuat apa-apa kurniaan di bawah Akta ini, Lembaga boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya perlu.

## BAHAGIAN V

### AM

Kuasa-kuasa pelaburan Lembaga.

13. Aset-aset Kumpulan Wang boleh dilaburkan oleh Lembaga dalam pelaburan-pelaburan yang pada masa ini dibenarkan oleh undang-undang berkenaan dengan pelaburan wang amanah:

Dengan syarat bahawa Lembaga tidak boleh membuat apa-apa pelaburan dalam sekuriti-sekuriti yang dikeluarkan atau didaftarkan atau dalam harta-harta lain yang terletak di luar Malaysia kecuali dengan kelulusan secara bertulis daripada Menteri Kewangan.

Audit dan akaun.

14. (1) Akaun-akaun Kumpulan Wang hendaklah diaudit oleh seorang juruaudit yang dilantik oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri Kewangan.

(2) Seberapa segera yang boleh selepas berakhirnya setiap tahun kalendar, Lembaga hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu akaun hasil dan perbelanjaan Kumpulan Wang bagi tahun itu yang telah diaudit berserta dengan suatu penyata aset-aset dan liabiliti-liabiliti; dan Menteri hendaklah menyebabkan akaun dan penyata itu berserta dengan satu salinan apa-apa pandangan juruaudit mengenainya dibentangkan di hadapan setiap Majlis Parlimen.

Meterai Lembaga.

15. (1) Meterai biasa Lembaga hendaklah disimpan oleh Pengerusi dan tidak boleh dicapkan pada mana-mana suratcara kecuali di hadapan Pengerusi atau mana-mana anggota lain Lembaga yang diberikuasa oleh Pengerusi.

(2) Mana-mana suratcara yang mengandungi meterai Lembaga yang telah dicapkan dan diakusaksikan sedemikian hendaklah disifatkan telah dibuat oleh Lembaga.

16. Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk melantik seorang Setiausaha kepada Lembaga dan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat lain yang perlu untuk menjalankan fungsi-fungsi Lembaga.

Perlantikan pegawai dan pengkhidmat.

17. Lembaga boleh, melalui suratcara bertulis di bawah meterai biasa Lembaga, mewakilkan kepada mana-mana orang atau badan apa-apa kewajipannya yang perlu dilaksanakan di dalam atau di luar Malaysia; dengan syarat bahawa mana-mana orang atau badan itu tidaklah berkuasa ke atas Kumpulan Wang dan hendaklah bertindak dalam semua hal mengikut arahan Lembaga.

Perwakilan oleh Lembaga.

18. Tiada seorang pun anggota Lembaga berliabiliti terhadap apa-apa kerugian yang timbul daripada atau bersampingan dengan apa-apa pelaburan yang dibuat melainkan jika kerugian itu telah disebabkan oleh kecuaiannya, fraudnya atau kecurangannya; dan tiada seorang pun anggota Lembaga, ejen atau orang yang bertindak dengan kebenaran Lembaga berliabiliti sendiri terhadap apa-apa tindakan atau prosiding kerana atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan, perkara atau benda yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan dengan suci hati dan dalam menjalankan dengan sewajarnya mana-mana hak atau kuasa Lembaga atau anggota-anggotanya.

Liabiliti terhadap kerugian dalam pelaburan.

19. (1) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah untuk menjalankan dengan sewajarnya Akta ini.

Kaedah-kaedah.

(2) Khususnya dan tanpa menjejaskan keluasan kuasa yang tersebut di atas, kaedah-kaedah itu—

(a) boleh menetapkan kurniaan-kurniaan, syarat-syarat yang akan dipatuhi dan kelayakan-kelayakan yang perlu dimiliki oleh calon;

(b) boleh membuat peruntukan mengenai pembayaran gaji dan elaun dan syarat-syarat

perkhidmatan bagi pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga;

- (c) boleh membuat peruntukan mengenai penubuhan dan pengurusan suatu skim persaraan atau kumpulan wang simpanan bagi pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmatnya.

Likuidasi.

20. (1) Jika pada bila-bila masa wang atau aset-aset lain Kumpulan Wang adalah, pada pendapat Lembaga, tidak cukup untuk membayar perbelanjaan-perbelanjaan Kumpulan Wang dan bayaran-bayaran lain, Pengerusi Lembaga hendaklah dengan sertamerta membuat laporan mengenai hakikat itu kepada Menteri.

(2) Jika apabila menerima laporan itu Menteri berpendapat bahawa suatu rayuan untuk mendapatkan pemberian, derma, endowmen atau hadiah patut dibuat, maka dia hendaklah dengan sertamerta mengarahkan Lembaga membuat rayuan-rayuan itu dan Lembaga hendaklah oleh yang demikian mematuhi arahan itu.

(3) Jika selepas tamat tempoh enam bulan kalendar dari tarikh sesuatu rayuan dibuat di bawah subseksyen (2), Lembaga tiada menerima apa-apa pemberian, derma atau endowmen yang cukup, Menteri hendaklah mengarahkan supaya Kumpulan Wang dilikuidasikan; dan prosiding pelikuidasian hendaklah dimulakan mengikut kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini.

Memindah-  
milikkan  
wang yang  
ada dalam  
tangan  
penganjur  
ke dalam  
Kumpulan  
Wang.

21. Apabila sahaja Akta ini mula berkuatkuasa, semua wang dan aset lain dalam jagaan, kawalan atau pengurusan mana-mana orang atau orang-orang menurut apa-apa jua kuasa dan yang didermakan kepada Kumpulan Wang atau yang diterima oleh orang atau orang-orang itu pada menjangkakan pemasyhuran Akta ini berserta apa-apa bunga atau dividen yang terakru atasnya hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang dan hendaklah dipindahmilikkan dan diletakhakkan pada Lembaga.

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 389**

**AKTA KUMPULAN WANG YAYASAN  
TUNKU ABDUL RAHMAN 1966**

**(Disemak—1989)**

*Butir-butir di bawah seksyen 7 (ii) dan (iii) Akta  
Penyemakan Undang-Undang 1968 (Akta 1)*

**SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuatkuasa dari
	<b>TIADA</b>	

**SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIANNYA  
YANG DIGANTIKAN**

No.	Tajuk
Akta 43/1966	... Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman, 1966